KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	13/1/2022 (KHAMIS)	MUKA SURAT	:	3
JABATAN	:	KeTSA			

HARIMAU BERKELIARAN

Bukan kerana tebang balak

HM
13.1.2022_3

Kota Bharu: Kerajaan negeri Kelantan menafikan harimau berkeliaran di penempatan Orang Asli di Gua Musang sejak beberapa hari lalu berpunca daripada aktiviti pembalakan.

Timbalan Menteri Besar Kelantan Datuk Mohd Amar Nik Abdullah berkata, perkara itu perlu diserahkan kepada pihak berkaitan untuk mengkaji dan melakukan penyiasatan tentang punca sebenar mamalia berkenaan keluar daripada habitat asal hingga mengancam penduduk.

Beliau berkata, kejadian harimau memasuki kampung di negeri itu bukan pertama kali berlaku, sebaliknya sebelum ini sudah ada kes direkodkan seperti di daerah Jeli, namun kejadian tidak 'dilabelkan' berpunca daripada pembalakan.

"Kejadian ini membabitkan satu kes, kalau banyak mungkin betul (disebabkan pembalakan) dan ia kes terpencil. Jangan sebab seorang mati diterkam harimau, kita letak semua kesalahan disebabkan penebangan hutan, kecuali ada tiga empat ekor harimau yang keluar masuk kampung dan makan orang, itu adalah serius.

"Mahu siasat dan mencari sebab berlaku itu bagus, tetapi jangan cepat buat kesimpulan seolah-nya sebab pembalakan menyebabkan harimau itu keluar, bagi saya itu tidak betul," katanya kepada pemberita selepas hadir mesyuarat Exco di Kompleks Kota Darulnaim, di sini, semalam.

Terdahulu, Mohd Amar diminta mengulas mengenai dakwaan wakil Orang Asli Temiar, Nasir Dollah, 32, mengenai tiga ekor harimau yang berkeliaran di kampung-kampung di kawasan pentadbiran Pos Bihai berlaku disebabkan tindakan kerajaan Kelantan yang meluluskan ribuan kawasan hutan untuk tujuan pembalakan dan sebagainya.